

Harga minyak melonjak ke paras tertinggi

SINGAPURA 22 Nov. - Harga minyak global melonjak ke paras tertinggi sejak Oktober lalu apabila pasaran menjangkakan pengurangan pengeluaran daripada anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Bagaimanapun menurut *Reuters*, penganalisis memberi amaran sekiranya OPEC gagal mencapai persetujuan untuk mengu-

rangkan pengeluaran, kemungkinan pasaran bergantung kepada lebih bekalan menjelang awal 2017.

Setakat ini, niaga hadapan minyak mentah Brent meningkat 1.5 peratus kepada AS\$49.63 (RM219.19) setong berbanding dagangan semalam dan tertinggi sejak 31 Oktober lalu.

Minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) pula mening-

kat 1.4 peratus kepada AS\$48.93 (RM216.10) setong.

OPEC sedang berusaha untuk menarik 14 anggotanya dan pengeluaran bukan OPEC, Rusia untuk mencapai persetujuan bagi mengurangkan pengeluaran supaya pasaran mampu bergerak dan memenuhi penggunaan.

Menurut Bank ANZ, pelabur menjadi lebih optimistik bahawa mesyuarat OPEC akan mencapai

persetujuan bagi mengurangkan pengeluaran sekali gus menyaksikan harga minyak diniagakan lebih tinggi hari ini.

Dalam pada itu, Goldman Sachs dalam nota kepada para pelanggannya memberitahu, peluang OPEC untuk mengurangkan pengeluaran semakin meningkat.

Ini kerana, pengeluar perlu memberi tindak balas terhadap

penawaran dan permintaan asas yang sebelum ini semakin lemah sejak OPEC mengumumkan perjanjian sementara untuk mengurangkan pengeluaran.

"Sama ada OPEC mahupun pengeluar lain, terutama Rusia, gagal untuk memuktamadkan persetujuan ini, dijangkakan lebih minyak akan mencapai 700,000 tong setiap hari untuk suku pertama 2017," jelasnya. - REUTERS

TELAGA minyak di Arbil, Iraq. - GAMBAR HIASAN

